

Cabaran Penerapan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Penyelesaian Masalah Ekonomi Tingkatan Enam (Challenges of Implementing Metacognitive Strategies in the Teaching of Problem-Solving for Economics in Form Six)

Nur Izzatul Syahirah Tan Abdullah^{1*}, Zaimuariffudin Shukri Nordin¹,
Norehan Zulkiply¹

¹ Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Malaysia

*Pengarang Koresponden: izzatul.syahirahtan@gmail.com

Accepted: 15 September 2021 | Published: 1 October 2021

Abstrak: Kemahiran penyelesaian masalah merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh pelajar khususnya pelajar Ekonomi yang sering mengalami kesukaran dalam pemahaman konsep dan teori Ekonomi yang bersifat abstrak. Beberapa kajian lepas mencadangkan bahawa terdapat perkaitan antara penguasaan kemahiran penyelesaian masalah dengan proses metakognitif. Komponen utama dalam regulasi metakognitif iaitu perancangan, pemantauan dan penilaian didapati berupaya meningkatkan kemahiran berfikir serta kemahiran penyelesaian masalah pelajar dalam Ekonomi. Penerapan strategi metakognitif dalam pengajaran penyelesaian masalah boleh dicadangkan sebagai salah satu intervensi untuk menangani kesukaran dalam pembelajaran Ekonomi di sekolah. Guru pula memainkan peranan yang amat penting untuk menggalakkan pelajar menggunakan strategi metakognitif dalam proses pembelajaran mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka cabaran penerapan strategi metakognitif dalam pengajaran penyelesaian masalah Ekonomi Tingkatan Enam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes yang melibatkan dua orang guru Ekonomi Tingkatan Enam. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual mendalam dan dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat cabaran utama yang dihadapi oleh guru iaitu kekangan masa, pengetahuan guru tentang strategi metakognitif, penyediaan bahan pengajaran dan kesediaan pelajar. Kajian ini diharapkan dapat memberi cadangan untuk memperkukuh kerangka model pengajaran Ekonomi berasaskan penyelesaian masalah dan strategi metakognitif yang bersifat praktikal dan mencadangkan implikasi kepada polisi melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta amalan pihak sekolah dan juga guru.

Kata kunci: Strategi Metakognitif, Pengajaran Penyelesaian Masalah, Guru Ekonomi, Tingkatan Enam, Cabaran

Abstract: Problem-solving skill is one of the important skills that need to be mastered by students, especially Economics students who often have difficulty in understanding Economic concepts and theories that are abstract. Several past findings suggest that there was a relationship between the mastery of problem-solving skills and metacognitive processes. The main components in metacognitive regulation namely planning, monitoring, and evaluation, were found to be able to improve students' thinking and problem-solving skills in Economic. The implementation of metacognitive strategies in the teaching of problem-solving can be proposed as one of the interventions to address difficulties in Economic learning in schools. Teachers, on the other hand, play a very important role to encourage students to use metacognitive strategies in their learning process. Therefore, this study was conducted to

explore the challenges of implementing metacognitive strategies in the teaching of problem-solving for Economics in Form Six. This study used a qualitative approach, particularly a case study involving two Form Six Economics teachers. Data were collected using in-depth interviews and were analyzed thematically. The findings of the study showed that there were four main challenges faced by teachers; namely time constraints, teachers' knowledge of metacognitive strategies, preparation of teaching materials, and student readiness. This study is expected to provide recommendations to strengthen the framework for Economic teaching model based on problem-solving and metacognitive strategies that are practical and suggest implications to policies involving the Ministry of Education Malaysia (MOE) as well as the schools and teachers' practices.

Keywords: Metacognitive Strategies, Teaching of Problem-solving, Economics Teachers, Form Six, Challenges

1. Pengenalan

Kurikulum sekolah Malaysia bermatlamat untuk membangunkan pelajar secara menyeluruh, merangkumi dimensi intelek, rohani, emosi, dan jasmani seperti yang terkandung Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Untuk melahirkan insan yang seimbang, kriteria intelek turut diberi penekanan sesuai dengan potensi seseorang pelajar itu. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 turut menggariskan enam aspirasi yang diperlukan oleh setiap pelajar untuk berupaya bersaing di peringkat global, dan salah satunya ialah kemahiran berfikir (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Seiring dengan keperluan kompetensi global, setiap pelajar perlu menguasai pelbagai kemahiran berfikir termasuk penyelesaian masalah, penaakulan serta pemikiran kreatif dan inovatif. Guru pula memainkan peranan yang penting untuk mencorakkan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam kelas. Guru yang menerapkan kemahiran berfikir dalam pengajaran berupaya untuk melahirkan pelajar yang berprestasi tinggi, lebih bekerjasama dan penyelesaian masalah yang lebih baik (Rajendran, 2018). Sehubungan itu, guru yang bertindak sebagai pemudah cara di dalam bilik darjah perlulah mengambil inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran agar proses PdPc dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Corak pemikiran yang menerapkan strategi metakognitif dilihat sebagai satu alternatif pendekatan pengajaran yang sangat berkesan kerana berupaya membantu pelajar untuk mengawal proses pembelajaran mereka dan menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar. Metakognitif pada dasarnya ialah berfikir tentang pemikiran. Perkataan metakognitif mula diperkenalkan oleh Flavell dan Wellman pada tahun 1975 dengan dikenali sebagai metamemori pada ketika itu. Secara mudahnya, metakognitif juga boleh dikenali sebagai mengenali dan mengatur pemikiran seseorang (Hughes, 2017) atau pengetahuan seseorang mengenai proses pemikiran sendiri (Bruning *et al.*, 1995). Metakognitif boleh dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu pengetahuan metakognitif dan regulasi metakognitif (Brown, 1987; Jacobs & Paris, 1987; Schraw & Moshman, 1995). Jacobs dan Paris, (1987) mengkategorikan pengetahuan metakognitif kepada pengetahuan deklaratif, prosedural dan kondisional, manakala Brown (1987) pula menjelaskan regulasi metakognitif sebagai aktiviti seperti perancangan, pemantauan, penilaian dan menyemak semula yang sangat signifikan dengan kemahiran berfikir. Menurut teori kognitif, metakognitif diperlukan untuk memahami bagaimana tugas dilaksanakan (Garner, 1987) manakala strategi metakognitif pula berupaya membantu pelajar untuk menguruskan proses pembelajaran mereka seperti